

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTRI
BRUNEI DARUSSALAM**

JKN/BPEA/SH/TC/B/2026-2027 (1)

SEBUTHARGA:

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN BAGI TEMPOH 12 BULAN**

PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH KESEMUA PEMBORONG/SYARIKAT YANG IKUT SERTA:

- A. Kadar harga adalah termasuk membekalkan semua tenaga buruh yang mencukupi dan berkebolehan/berkepakaran, peralatan yang bersesuaian/berkaitan dan apa jua jenis/kaedah pengangkutan yang diperlukan untuk menyempurnakan kerja-kerja yang sebutkan di bawah.
- B. Syarikat adalah dikehendaki secara mandatori untuk menghadiri sesi penerangan yang akan diadakan pada 10 Mac 2026 jam 12:30 tengah hari di lobi utama, Bangunan Mahkamah Tinggi-Mahkamah Besar (sebarang perubahan jika ada akan dimaklumkan melalui loma sesawang rasmi Jabatan Kehakiman Negara)
- C. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dihendaki menyediakan polisi insuran atas pekerja-pekerja/buruh yang diaturkan serta dikehendaki mematuhi piawaian yang telah di tetapkan oleh S.H.E.N.A (Safety, Health and Environment National Authority) dan agensi-agensi teknikal Kerajaan yang berkaitan.
- D. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah juga dihendaki membaik pulih keatas prasarana bangunan yang terganggu/mengalami kerosakan semasa perlaksanaan projek dan dikehendaki menjaga kebersihan tapak projek dengan memastikan kesemua sepihan/kekotoran/sisa-sisa/tumpahan dibersihkan dengan kaedah sewajarnya dan membuangnya ke tempat pembuangan sampah milik syarikat atau mana-mana tempat pembuangan yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.
- E. Pemborong/syarikat yang terpilih adalah dihendaki membekalkan waranti bahan yang telah dipasang/dibekalkan (jika berkaitan).
- F. Kegagalan syarikat/pemborong yang terpilih menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan denda yang berpatutan atau tegahan dari mengikut sebarang sebutharga mahupun tawaran Kerajaan.
- G. Peraturan sebutharga ini adalah dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dan mana-mana pertaturan yang berkaitan.

BILANGAN SEBUTHARGA: JKN/BPEA/SH/TC/B/2026-2027 (1)
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN
BAGI TEMPOH 12 BULAN

BIL	BARANG	TEMPAT	DESKRIPSI PEKERJAAN	KEKERAPAN	HARGA SEBULAN	HARGA 12 BULAN
1	LANTAI JUBIN	- Ruang-ruang Pejabat - Bilik-bilik Pegawai - Ruang Lobi dan Lorong	i. Menyapu dan mengilap lantai	Setiap hari sebulan	\$	\$
		- Bilik Stor - Bilik Kebal - Bilik Pabx - Kawasan Dalam Penjara - Tangga Luar Dan Dalam - Bilik CCTV	ii. Mengutip dan membuang sampah	3 kali sebulan	\$	\$
2	LANTAI JUBIN	- Ruang Lobi dan Lorong	Menggilap sembur dengan penggilap yang berkelajuan tinggi	1 kali sebulan	\$	\$
3	LANTAI KONKRIT	- Kawasan Basement - Kawasan Tangki Air - Letak kereta Hakim - Letak Kereta Pegawai - Bilik-Bilik AHU & Chiller - Void Area	i. Menyapu dan mengilap lantai ii. Mengutip dan membuang sampah	2 kali sebulan	\$	\$
4	LANTAI KARPET	- Bilik mesyuarat - Bilik Persidangan VIP - Kamar-Kamar Hakim - Bilik Pengarah & Timbalan - Bilik Perpustakaan, - Bilik Pegawai Kanan	i. Memvakium / Menanggal kotoran ii. Mengutip dan membuang sampah	2 kali sebulan dan jika diperlukan	\$	\$
5	LANTAI KARPET	- Dewan serbaguna - Dewan - Dewan Perbicaraan	i. Memvakium / Menanggal kotoran ii. Mengutip dan membuang sampah	2 kali sebulan dan jika diperlukan	\$	\$
JUMLAH DITUNDA					\$	\$

BIL	BARANG	TEMPAT	DESKRIPSI PEKERJAAN	KEKERAPAN	HARGA SEBULAN	HARGA 12 BULAN
6	TIKAR GETAH	- Pintu- Pintu masuk utama - Dan Mana-mana tempat Yang dibekalkan	i. Memvakium / Menanggal kotoran ii. Mengutip dan membuang sampah	Setiap hari sebulan	\$	\$
7	CERMIN JENDELA YANG BOLEH DICAPAI	- Keseluruhan cermin bahagian dalam dan luar Bangunan	-Membersih / menanggalkan habuk dan kotoran	2 kali sebulan	\$	\$
8	CERMIN JENDELA DENGAN MENUNAKAN SCARFOLDING	- Keseluruhan cermin bahagian dalam dan luar Bangunan	-Membersih dengan alat-alat pembersih jendela dan kimia	Sekali setiap 6 bulan dan jika diperlukan	\$	\$
9	LIF - LIF	- Keseluruhan ruang dalam dan luar Lif	i. Memvakium / Menanggal kotoran ii. Mengutip dan membuang sampah	4 kali sebulan	\$	\$
10	PANEL-PANEL KAYU	- Bilik Ketua Hakim - Dewan-Dewan Perbicaraan - Kaunter-Kaunter Urusan - Pentas Dewan serbaguna,	-Membersih / menanggalkan habuk dan kotoran	Setiap hari sebulan	\$	\$
11	DINDING KONKRIT YANG BOLEH DICAPAI	- Keseluruhan dinding kawasan dalam dan luar yang didapati kotor	-Membersih / menanggalkan kotoran dengan kain pelembab dan ubat pembasmi kuman	2 kali sebulan	\$	\$
				JUMLAH DITUNDA	\$	\$

BIL	BARANG	TEMPAT	DESKRIPSI PEKERJAAN	KEKERAPAN	HARGA SEBULAN	HARGA 12 BULAN
12	DINDING KONKRIT KAWASAN YANG TINGGI DENGAN MENGGUNAKAN SCARFOLDING	- Keseluruhan dinding kawasan dalam dan luar yang tidak boleh dicapai dan didapati kotor	-Membersih / menanggalkan kotoran dengan kain pemlembab dan ubat pembasmi kuman	Sekali sebulan dan jika diperlukan	\$	\$
13	LANTAI JUBIN TANDAS	-Tandas Kamar-Kamar Hakim - Tandas Pengarah & Timbalan - Tandas-Tandas Pegawai Kanan - Tandas Pegawai dan Kakitangan - Tandas-Tandas Awam - Tandas sel Penjara	Mengelap dengan mop basah dengan pembersih ubat pembasmi kuman	Setiap hari sebulan	\$	\$
14	TANDAS-TANDAS	- Tandas Kamar-Kamar Hakim - Tandas Pengarah & Timbalan -Tandas-Tandas Pegawai Kanan -Tandas Pegawai dan Kakitangan -Tandas-Tandas Awam -Tandas sel Penjara	-Penyediaan Tisu Rol dan Menyembur dengan deodorant penyegar	Setiap hari sebulan dan jika diperlukan	\$	\$
			-Sabun Tangan cecair botol yang berpenakan			
15	MANGKUK TANDAS, SINKI ALUMINIUM, SINKI BATU DAN BARANG-BARANG KELENGKAPAN TANDAS	-Tandas Kamar-Kamar Hakim -Tandas Pengarah & Timbalan - Tandas-Tandas Pegawai Kanan - Tandas Pegawai dan Kakitangan - Tandas- Tandas Awam - Tandas sel Penjara	-Mengelap/dibersihkan dengan kimia /Menanggalkan kotoran.	Setiap hari sebulan	\$	\$
JUMLAH DITUNDA					\$	\$

BIL	BARANG	TEMPAT	DESKRIPSI PEKERJAAN	KEKERAPAN	HARGA SEBULAN	HARGA 12 BULAN
16	BARANG-BARANG PERABOT, ALMARI, MEJA, KERUSI, KABINET	-Kamar-kamar Hakim, -Bilik Pengarah & Timbalan -Bilik Pegawai-Pegawai & Kakitangan -Dan mana-mana tempat Yang dibekalkan	Mengelap/dibersih/ Menanggalkan kotoran,	Sekali sebulan dan jika diperlukan	\$	\$
17	LAMPU-LAMPU SILING & DINDING, LUBANG UDARA PENGHAWA DINGIN	Keseluruhan tempat di dalam Bangunan	Mengelap/dibersih/ Menanggalkan kotoran	1 kali sebulan	\$	\$
18	LAMPU-LAMPU SILING KAWASAN TINGGI	Kawasan Laluan / Penurunan kereta VIP	Mengelap/Menang galkan kotoran	3 hari sebulan	\$	\$
19	TONG SAMPAH	Keseluruhan kawasan dalam Bangunan	Membuang semua sampah ditempat khas tong-tong sampah	Setiap hari sebulan	\$	\$
20	LETAK KERETA BERASPALT	- Keseluruhan letak kereta di sekitar Kawasan Bangunan Mahkamah	Mengutip dan membuang sampah	2 kali seminggu / 8 kali Sebulan	\$	\$
21	KAWASAN ATAP DAN SALURAN LONGKANG AIR HUJAN	- Keseluruhan kawasan atap atas Bangunan	Membersih kotoran dan mencabut pokok pokok liar	Sekali sebulan dan jika diperlukan	\$	\$
22	KAWASAN LALUAN WALKWAY	Keseluruhan kawasan sekitar Bangunan dan Kawasan letak kereta	Membersih kotoran dengan menggunakan mesin berkelajuan tinggi (<i>Water Jet</i>)	Sekali sebulan dan jika diperlukan	\$	\$
23	KAWASAN LONGKANG-LONGKANG DAN SALURAN-SALURAN LONGKANG AIR HUJAN	Keseluruhan kawasan sekitar Bangunan dan Kawasan letak kereta	Membersih kotoran, Mengutip dan Membuang sampah	1 kali seminggu / 4 kali sebulan	\$	\$
JUMLAH KESELURUHAN					\$	\$

PERINGATAN: SESI PENERANGAN (INFORMATION DAY) AKAN DIADAKAN PADA **HARI SELASA, 10 MAC 2026, JAM 12.30 TENGAH HARI** BERTEMPAT KAWASAN LOBI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR

TARIKH TUTUP SEBUTHARGA **PADA HARI SELASA, 17 MAC 2026 SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI**

BILANGAN SEBUTHARGA: JKN/BPEA/SH/TC/B/2026-2027 (1)

**SEBUTHARGA BAGI:
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR, BANDAR
SERI BEGAWAN BAGI TEMPOH 12 BULAN**

Peraturan Dan Keperluan:

1. Sebut harga ini dibukakan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah di Negara Brunei Darussalam.
2. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebutharga yang termurah atau mana-mana sebutharga yang tidak berpatutan.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak untuk membatalkan atau mengubah jumlah skop sebutharga yang dibukakan.
4. Sebutharga ini akan ditutup pada hari **Selasa 27 Ramadhan 1447H / 17 Mac 2026M sebelum jam 12.00 Tengah hari** dan mana-mana sebutharga yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira tidak sah.
5. Syarikat-Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini hendaklah menyertakan bersama:-
 - A. Salinan Pendaftaran Syarikat, Profil Syarikat dan alamat persuratan yang betul dan sah serta nombor talian talipon dan fax.**
 - B. Salinan Pendaftaran Kontraktor – Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (ABCi)**
 - C. Salinan Sijil Pematuhan Akta Cukai (Certificate Of Tax Compliance) terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan**
6. Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini di kehendaki untuk mengisikan **borang pengakuan (Declaration Form)** yang menyatakan tiada ikatan dengan mana-mana Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini.
7. Sebutharga bersama pecahannya yang dihadapkan oleh Syarikat-Syarikat berkenaan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur iaitu dalam kadar matawang **Dollar Brunei (BND)**.
8. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah terikat dengan jumlah nilai sebutharga bersama pecahannya (per item) yang telah dihadapkan dan nilai tersebut tidak boleh diubah oleh Syarikat berkenaan tanpa persuratan rasmi yang sah.
9. Syarikat-Syarikat adalah **dikehendaki** untuk menghadiri **sesi penerangan (Information Session)** bagi sebutharga berkenaan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini bagi mendengar penerangan lanjut yang disampaikan oleh pihak Perkhidmatan Estet Dan Aset Jabatan Kehakiman Negara. **Kegagalan untuk menghadiri sesi penerangan akan menyebabkan pembatalan secara automatik bagi sebutharga yang akan dihadapkan.**

10. Syarikat yang telah dilantik dan diataskan bagi melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan sebutharga berkenaan adalah dengan serta merta terikat kontrak dengan pihak kerajaan selama tempoh kontrak perkhidmatan yang telah ditetapkan dan jika sekiranya Syarikat yang telah dilantik tidak berkesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan kontrak selama tempoh yang diberikan dan hendak mengundur diri atas sebab-sebab alasan yang tidak munasabah, maka Jabatan ini tidak teragak-agak untuk membuat teguran secara bertulis **senarai hitam (black list)** kepada Syarikat berkenaan atas kegagalan tidak mematuhi peraturan mahu pun piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
11. **Tempoh sahlaku** sebut harga yang perlu diberikan oleh Syarikat-syarikat yang ikut ialah tidak kurang dari **9 Bulan**.
12. Skop kerja perkhidmatan yang telah dicadangkan tempat-tempat kawasan nya oleh pihak Mahkamah hendaklah menepati skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam sebutharga, dan mana-mana alternatif dan perubahan pada spesifikasi yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur didalam sebutharga yang dihadapkan.
13. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan kesemua skop kerja Perkhidmatan Pemeliharaan Kawasan dalam tempoh **12 bulan** iaitu dari tarikh surat pengesahan penerimaan sebutharga atau pesanan pembelian (**purchase order / PO**) dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.
14. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua kerja-kerja yang dibuat hendaklah mengikut skop kerja yang telah diataskan dan memuaskan kehendak pelanggan atau pengguna. Mana-mana Syarikat yang didapati tidak memenuhi atau melanggar sebahagian atau mahu pun keseluruhan peraturan yang disenaraikan diatas, maka sebutharga yang dihadapkan oleh Syarikat-Syarikat berkenaan akan ditolak.
15. **Pekerja Kontraktor**
 - a. Kontraktor dikehendaki menghadapkan kepada Kerajaan senarai lengkap nama-nama pekerja Kontraktor yang telah berdaftar sah bagi Perkhidmatan ini bagi mendapatkan persetujuan
 - b. Kontraktor hendaklah memastikan jumlah pekerja yang ditugaskan di Bangunan ini tidak kurang daripada 2 pembersih (lebih daripada 2 adalah tertakluk kepada pihak pengurus syarikat) terdiri daripada 1 *supervisor* dan 1 perempuan.
 - c. Kesemua pekerja Kontraktor disebutkan dalam **Fasal 15** di atas hendaklah hanya khusus diambil bekerja oleh Kontraktor bagi melaksanakan Perkhidmatan ini sahaja dan tidak boleh digunakan bagi lain-lain tugas kerja atau projek Kontraktor diluar Perkhidmatan ini.
16. Jadual waktu bekerja yang disyaratkan kepada Pemborong yang dilantik melaksanakan bagi kerja-kerja pemeliharaan.

**Isnin hingga Khamis dan Sabtu: 7.30 pagi hingga 12.15 tengah hari
1.30 petang hingga 4.45 petang**

Jumaat:	8.00 pagi hingga 12.00 pagi 2.00 petang hingga 5.00 petang
Ahad:	Cuti Awam

WAKTU BEKERJA BULAN RAMADHAN

Isnin hingga Khamis dan Sabtu:	7.45 pagi hingga 2.30 petang
Jumaat:	7.45 pagi hingga 12.00 petang
Ahad:	Cuti Awam

17. Kerajaan juga berhak untuk mengarahkan Syarikat yang dilantik bagi membuat kerja-kerja pemotongan dan pemeliharaan pada bila-bila masa sahaja jika ada sebarang upacara yang diadakan di bangunan ini ataupun keperluan- keperluan yang mendadak diluar waktu yang ditetapkan di **para 16**
18. Bagi menjamin pelaksanaan kerja setiap pekerja hendaklah memiliki **permit kerja (bagi pekerja yang didatangkan dari luar Negara)** dan dilindungi oleh **insuran**.
19. Kerajaan berhak menegur, membantah dan mengarahkan kontraktor untuk menukar / membuang pekerja yang didapati berkelakuan tidak sopan atau pada pendapat Kerajaan tidak layak atau cuai dalam melaksanakan tugas kerja mereka. Setiap pekerja Kontraktor yang ditukar atau diberhentikan hendaklah diganti serta-merta dengan pekerja berkelayakan tertakluk kepada kebenaran Kerajaan.
20. Kontraktor hendaklah memastikan yang semua pekerja Kontraktor sentiasa kemas dan berpakaian seragam. **Pakaian seragam pekerja Kontraktor hendaklah dibubuhkan nama Syarikat pada pakaian tersebut.**
21. **Kelengkapan, perkakas dan bahan Kimia (chemicals)**
 - 21.1 Kontraktor hendaklah membekalkan semua peralatan yang diperlukan, mesin, perkakas, alat-alat dan bahan-bahan yang bersesuaian dan effective untuk melaksanakan kerja-kerja itu.
22. **Air dan Elektrik**
 - 22.1 Air dan elektrik yang diperlukan untuk kerja-kerja pembersihan disediakan secara percuma oleh Kerajaan. Kontraktor hendaklah berusaha untuk mengelakkan penyalahgunaan dan pembaziran keistimewaan ini dengan menjimatkan penggunaan air dan elektrik dan memastikan semua peraturan-peraturan yang mengawal penggunaan kawasan dipatuhi oleh kakitangannya.
 - 22.2 Kontraktor hendaklah memastikan yang kakitangannya mematikan semua lampu dan menutup paip air selepas siap membuat kerja-kerja mereka.
 - 22.3 Penyambungan ke socket elektrik (power point) hendaklah dibuat menurut peraturan-peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang sedang berkuatkuasa. Apa-apa kerosakan ke atas pendawaian dan pemasangan-

pemasangan elektrik pada bangunan ini akibat dari kecuaiian/ kesalahan pekerja kontraktor akan dipertanggungjawabkan ke atas kontraktor.

23. Keselamatan

23.1 Atas sebab-sebab keselamatan, kontraktor hendaklah mendaftar pekerja-pekerja dari masa kesemasa kepada Kerajaan seperti berikut:

- a. Nama
- b. Alamat
- c. Nombor Kad Pengenalan
- d. Kerakyatan
- e. Jantina dan Umur

23.2 Atas kepentingan keselamatan, Kerajaan berhak mengarahkan kontraktor untuk memberhentikan mana-mana pekerja yang difikirkan oleh Kerajaan sebagai tidak layak atau tidak sesuai atas sebab-sebab tertentu untuk diambil bekerja di dalam bangunan atau kawasan.

23.3 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah-langkah keselamatan bagi menghindari bahaya terhadap pekerja-pekerjanya, orang awam dan harta benda orang lain.

23.4 Papan-papan tanda amaran dan alat-alat penghadang (pagar dan sebagainya) hendaklah dipasang semasa melaksanakan kerja-kerja yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan kakitangan yang bekerja di situ atau orang lain. Papan-papan tanda amaran dan penghadang yang digunakan hendaklah pada ukuran yang bersesuaian bagi menarik perhatian dan hendaklah mengandungi perkataan seperti "Bahaya" "Jangan Dekat", "Awat!" "Kerja Sedang Dijalankan" dan sebagainya menurut kesesuaiannya.

24. Peraturan dan keperluan yang disebutkan diatas adalah dijaga dan dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam (Laws Of Brunei).

BORANG SEBUTHARGA

**Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebutharga,
Jabatan Kehakiman Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh : _____

Tuan,

Setelah meneliti Dokumen Sebutharga yang dengan ini menerima dengan sewajarnya, kami yang bertandatangan di bawah ini menerima tawaran **PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DI BANGUNAN MAHKAMAH MAHKAMAH TINGGI-MAHKAMAH BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BAGI TEMPOH 12 BULAN** berserta pematuhan dengan Lukisan, Spesifikasi, arahan dan Keperluan tersebut untuk jumlah

Dolar Brunei: _____

(BND _____)

Kami bersetuju untuk mematuhi sebutharga ini untuk tempoh **Sembilan (9) Bulan** dari tarikh akhir penyerahan sebutharga dan ia akan kekal mengikat kami dan boleh diterima pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh tersebut.

Kami seterusnya bersetuju untuk menyiapkan semua kerja yang dinyatakan dalam sebutharga ini dalam tempoh **12 bulan** dari tarikh pemilikan tapak atau penerimaan Pesanan Pembelian Rasmi Kerajaan / Surat Inden.

Kami memahami bahawa anda tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau mana-mana sebutharga yang mungkin anda terima.

Tarikh: _____ 2026

Tandatangan: _____

Nama: _____

[Dalam Kapasiti Pemilik]

Diberi Kuasa Sewajarnya untuk menandatangani sebutharga untuk dan bagi pihak

Nama Syarikat: _____

Cop Syarikat: _____

Alamat: _____

Saksi: _____

Tandatangan: _____